

SALOSONE OINTMENT

Betamethasone dipropionate/salicylic acid (0.05% w/w / 3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Salosone*
2. Bagaimana *Salosone* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Salosone*
4. Cara menggunakan *Salosone*
5. Semasa menggunakan *Salosone*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Salosone*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Salosone*

Ia digunakan untuk melegakan *seborrheic dermatitis*, penyakit kulit kelihatan seakan-akan sisik ikan, psoriasis, inflamatori kulit lain, kulit tebal, kering dan bersisik di mana steroid adalah berkesan.

Bagaimana *Salosone* berfungsi

Salosone mengandungi betamethasone dipropionate dan salicylic acid. Betamethasone dipropionate adalah steroid yang digunakan dalam pengendalian pelbagai masalah yang memerlukan. Ia mempunyai kesan anti-inflamatori dan anti-gatal. Salicylic acid mempunyai kesan mengelupas, anti-bakteria dan anti-kulit.

Sebelum menggunakan *Salosone*

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jika mempunyai alahan terhadap betamethasone dipropionate, salicylic acid atau ramuan lain *Salosone*.
- *Sebelum menggunakan Salosone*
 - Perhatian diambil jika tempat penggunaan adalah luas, terutama pada kulit luka, dengan atau tanpa balutan.
 - Perhatian khas perlu diambil apabila digunakan untuk jangka lama pada bayi dan kanak-kanak kerana kesan rencatan ke atas pertumbuhan mereka.
 - Penggunaan dihentikan jika keadaan kulit menjadi terlalu kering, iritasi atau sensitasi berlaku.
 - Elak penggunaan pada mata dan membran mukus. Elakkan penggunaan berpanjangan pada muka.
- *Jika mengambil ubat-ubat lain*
Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika menggunakan sebarang ubat.

Cara menggunakan *Salosone*

- *Berapa banyak harus digunakan*
Ubat perlu disapu pada bahagian berkenaan dua kali sehari.
- *Bila perlu digunakan*
Selalu gunakan *Salosone* mengikut arahan doktor. Jika tidak pasti, semak semula dengan doktor atau ahli farmasi.
- *Berapa lama perlu digunakan*
Perlu dipastikan dengan doktor atau ahli farmasi.
- *Jika terlupa menggunakan*
Gunakan sebaik sahaja teringat.
- *Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)*
Jika terguna berlebihan, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.
Penggunaan steroid berlebihan dan berpanjangan merencat fungsi pituitari-adrenal, mengakibatkan kekurangan fungsi kelenjar adrenal dan menyebabkan *hypercorticism* (paras tinggi hormon cortisol), termasuk sindrom *Cushing*.
Penggunaan berpanjangan salicylic acid mengakibatkan *salicylism* (keracunan salicylic acid).

Semasa menggunakan *Salosone*

- *Perkara yang perlu dilakukan*
Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.
- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa yang mempunyai gejala-gejala penyakit yang serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.
- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
Beritahu doktor jikalau hamil atau menyusukan anak semasa rawatan. *Salosone* tidak seharusnya digunakan kecuali dengan arahan doktor. Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini atas anda dan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Apabila digunakan pada kawasan yang luas, kulit luka atau dengan balutan, betamethasone dipropionate mungkin diserap dengan kuantiti yang mencukupi untuk menyebabkan rasa pedih, gatal, iritasi, keadaan seperti jerawat, warna kulit luntur, ruam merah sekeliling mulut, alergi inflamasi kulit, pertumbuhan rambut berlebihan dan inflamasi folikel rambut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Salosone*

- *Penyimpanan*
Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.
- *Pelupusan*
Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
Salap berwarna putih kekuningan.
- *Bahan-bahan kandungan*
 - Bahan aktif: betamethasone dipropionate dan salicylic acid.
 - Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin and chlorocresol.
- *Nombor MAL:*
MAL05092207AZ

Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/06/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)200617/00138